

BN terima semula

UM 24 JAN 2002

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR
dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Barisan Nasional (BN) hari ini menerima semula kemasukan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang meninggalkan gabungan tersebut pada tahun 1990.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keputusan secara sebulat suara itu dicapai dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, yang dihadiri oleh semua parti komponen.

Kemasukan PBS mengembalikan semula jumlah anggota komponen BN kepada 14 parti selepas Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) dibubarkan

pada 20 Mei tahun lalu menerusi penyertaan beramai-ramai ahlinya ke dalam UMNO.

Dewan Tertinggi BN bagaimana pun menolak permohonan keanggotaan tiga parti lain iaitu Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) dan Parti Punjabi Malaysia (PPM).

"Keputusan ini bermakna bahawa PBS tidak meletakkan syarat terhadap BN dan kita juga tidak meletak syarat kepada mereka.

"PBS tidak boleh menganggap bahawa kemasukan mereka mestilah dibalas apa-apa untuk diri mereka. Namun, BN berhak membuat keputusan untuk PBS dan ahli-ahlinya," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan

mesyuarat Dewan Tertinggi BN selama lebih dua jam.

November lalu, Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan semasa mengemukakan permohonan rasmi untuk menyertai BN, menyatakan kekesalan kepada Perdana Menteri atas tindakannya membawa parti itu keluar daripada BN menjelang pilihan raya 1990.

Menurut Pairin, alasan PBS menyertai semula BN ialah untuk sama-sama menyumbang usaha dan tenaga bagi membina negara ini serta untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Dr. Mahathir juga berkata, kemasukan PBS ke dalam BN tidak akan mengubah kedudukan barisan kabinet Sabah.

Malah, tegasnya, BN tidak menjang-

kemasukan PBS

ka berlaku masalah dari segi pengagihan kerusi menjelang pilihan raya negeri, yang dijadual berlangsung tahun depan.

"BN disokong oleh majoriti. Lagipun, kemasukan PBS ke dalam BN tidak ada syarat apa-apa, kita tak janji apa-apa," katanya.

Ditanya sama ada penerimaan PBS ke dalam BN bermakna beberapa parti yang mewakili kaum Kadazandusun di Sabah perlu bergabung, beliau berkata:

"Terpulang kepada mereka. Sebagai ahli BN, kita anggap mereka semua sebagai anggota komponen. Semuanya sama, mewakili pelbagai kaum."

Mengenai sejauh mana keyakinan beliau bahawa PBS tidak akan mengulangi insiden 'tikam dari belakang' apabila menarik diri daripada BN pada 1990, beliau berkata:

"Saya bukannya ada bola kristal yang boleh memberitahu saya bila ia akan berlaku. Kita tak tahu."

Mengulas mengenai IPF, Dr. Mahathir berkata, BN tidak mencapai kata sepakat terhadap kemasukan parti itu.

Ini kerana MIC sekali lagi menyatakan kesediaannya untuk menerima penyertaan IPF ke dalam parti tersebut.

"Itu adalah keputusan yang dibuat. Pada masa sama, kita juga berpendapat kita harus memikirkan tentang satu cara bagaimana IPF boleh menyertai atau mengambil bahagian dalam BN tetapi tidak sebagai ahli komponen," katanya.

Mengenai alasan penolakan keanggotaan parti Kimma dan PPM, Perdana Menteri berkata: "BN bukanlah terbuka kepada semua begitu sahaja. Kalau

mereka nak sokong BN, sokongan itu boleh dilakukan dari luar".

Selain PBS, BN dianggotai oleh UMNO selaku parti tonggak, MCA, MIC, Gerakan, Parti Progressif Penduduk (PPP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PRB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Progressif Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Parti Demokratik Sabah (PDS).

Penyertaan PBS dijangka turut menambah keahlian berdaftar BN yang ketika ini mencecah 5,681,794 orang dengan hampir 50 peratus daripada mereka adalah pengundi berdaftar.